



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	27/5/2019	MUKA SURAT	:	46
JABATAN	:	JPSM / SYABAS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bekalan air orang asli pulih?

KUALA LUMPUR 26 Mei -Aktiviti melibatkan kerja tanah oleh Syarikat Rajang Budiman Sdn. Bhd. di kawasan Hutan Simpan Bukit Lagong, Gombak, Selangor yang mengakibatkan bekalan air bukit tercemar baru-baru ini telah dihentikan.

Difahamkan, Pegawai Hutan Daerah Selangor Tengah (PHDST) telah mengeluarkan surat henti tugas kepada syarikat berkenaan kerana melakukan kesalahan membina jalan hutan tanpa kebenaran serta menyebabkan pencemaran air bukit yang merupakan bekalan air untuk kegunaan Kampung Orang Asli (KOA) Sungai Buloh.

Exco Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Hee Loy Sian berkata, sehingga Selasa lepas, tiada kerja-kerja tanah dijalankan dan syarikat berkenaan mengaku bersalah serta bertanggungjawab untuk melakukan tindakan pembetulan segera.

“Satu mesyuarat bersama penduduk orang asli terlibat telah diadakan pada Selasa lepas. Kesalahan tersebut akan diambil tindakan berdasarkan undang-undang semasa melalui kertas siasatan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan syarikat itu bakal memastikan bekalan air bersih dapat diagih kepada semua penduduk KOA Sungai Buloh.

“Syarikat terlibat bersetuju mendapatkan air bersih daripada Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) secara terus kepada penduduk terjejas. Pada masa sama, pihaknya juga akan melakukan kerja-kerja pembaikan dan pemulihan kawasan aliran sungai yang ditolak supaya bekalan air bukit kepada penduduk dapat diselesaikan segera,” katanya dalam satu kenyataan di sini, baru-baru ini.

Tambah beliau, semua pihak telah bersetuju dengan kaedah penyelesaian sementara dan pelaksanaan perlu dimaklumkan dari semasa ke semasa.